

# Wawasan Sultan Ibrahim

**S**ELAIN mendekati rakyat, Sultan Ibrahim juga berusaha memastikan pembangunan negeri Johor berada di landasan yang betul seiring dengan keutamaan baginda melihat pembangunan membawa manfaat kepada rakyat.

“Apa juga pembangunan yang dirancang, faedah pertama mesti kepada rakyat negeri Johor. Keutamaan baginda adalah kebajikan dan kebaikan rakyat negeri Johor dari mula lagi,” kata Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor Datuk Abdul Rahim Ramli.

Sultan Ibrahim mempunyai wawasan sendiri dan selalu berpandangan jauh terutama bila menyentuh isu berkaitan pembangunan dan negeri Johor.

“Kalau kita perhatikan Tuanku ini, ikut cara Sultan Abu Bakar Sultan Ibrahim yang wawasannya jauh. Baginda berpemikiran di luar kelaziman, boleh nampak halatuju negeri Johor pada masa hadapan,” kata Abdul Rahim.

Ini dapat dilihat dengan sikap baginda yang sangat mementingkan kebersihan dan pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar di negeri ini, yang dilihat sebagai aspek dalam melestarikan pembangunan negeri ini.

“Jadi wawasan Tuanku sekarang ini memang khas untuk kebaikan dan kemajuan rakyat negeri Johor. Saya amat bangga sebab Tuanku tak duduk diam, hari-hari baginda keluar pergi lihat sendiri dan bila balik ataupun dalam perjalanan, Tuanku akan telefon ke pejabat-pejabat berkenaan minta tolong bersihkan kawasan-kawasan, tengokkan ini dan tengok yang itu.

“Ia bagus, maknanya baginda mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan negeri Johor,” kata Abdul Rahim.

Sultan Ibrahim, Sultan kelima dalam sejarah Johor Moden, akan dimahkotakan pada satu istiadat diraja 23 Mac ini. - Bernama

# Trademark Sultan Johor

## Kembara Mahkota Johor dekatkan Sultan Ibrahim dengan rakyat

Oleh **NOR BAIZURA BASRI**

**“R**AJA dan rakyat berpisah tiada”. Ungkapan yang sangat bertepatan dengan Sultan Johor, Sultan Ibrahim

Almarhum Sultan Iskandar sejak bertakhta empat tahun yang lepas.

Selepas kemangkatan ayahanda baginda Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail, Sultan Ibrahim dimasyhurkan sebagai Sultan Johor yang baharu pada 23 Jan, 2010 di Istana Besar.

Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja

Johor Datuk Abdul Rahim Ramli berkata antara idea yang diperkenalkan Sultan Ibrahim termasuk Kembara Mahkota Johor (KMJ) yang bertujuan merapatkan jurang hubungan antara istana dan rakyat jelata.

Dalam satu temuramah di pejabatnya baru-baru ini, beliau berkata kembara tahunan itu yang bermula sejak tahun 2001 membawa baginda dan rombongan pengiringnya menjelajah ke seluruh 10 daerah dalam negeri Johor.

Semasa jelajah itu mereka juga menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan projek kebajikan bagi setiap lapisan masyarakat.

Abdul Rahim berkata kepimpinan Sultan Ibrahim terserlah sejak baginda kecil lagi dan ia lebih ketara lagi selepas ditabalkan sebagai Tunku Mahkota

Johor pada 3 Julai, 1981.

“Sebelum dilantik menjadi raja pun, semasa baginda menjadi Tunku Mahkota Johor, baginda suka merapatkan diri dengan rakyat,” katanya.

Abdul Rahim, yang menjadi Setiausaha Kerajaan negeri pada 1985 itu telah diamanahkan oleh Almarhum Sultan Iskandar pada ketika itu untuk memimpin dan mendidik baginda menjadi seorang raja.

“Sultan Ibrahim, pada masa itu amat gemar menunaikan titah Almarhum Sultan Iskandar termasuklah tunaikan solat fardhu Jumaat pada setiap minggu di semua masjid dalam negeri Johor.

“Baginda telah menjelajah ke semua masjid di negeri Johor untuk menunaikan fardhu Jumaat dan lain-lain waktu solat termasuk solat terawih di kampung-kampung dan bermesra dengan rakyat,” kata beliau.



**ISTIADAT** menaikkan Bendera sempena Istiadat Pemahkotaan Sultan Johor oleh Askar Timbalan Setia Negeri Johor, dalam Majlis Istiadat Letak Kerja, menandakan permulaan Perayaan Pemahkotaan Sultan Johor, di Istana Besar Negeri Johor, Johor Bahru.

**SULTAN IBRAHIM** mencuba peralatan sumpit bersama Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin di salah satu daerah persinggahan baginda ketika Kembara Mahkota Johor 2014.